

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 11 SEPTEMBER 2025

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA : 11
SURAT

PKS gusar survival, pekerja menuntut kesaksamaan gaji

Malaysia (11/9/2025), Datuk F. Manoj Kumar, Menteri Kerja Raya.

PKS gusar survival, pekerja menuntut kesaksamaan gaji

SHAH ALAM – Pelaksanaan Dasar Gaji Progresif (DGP) memberi harapan baharu kepada pekerja, namun pada masa sama menimbulkan kebingungan besar kepada majikan dalam kalangan perusahaan kecil, mikro dan sederhana (PMKS) berhubung kemampuan menampung kos operasi.

Ahli Kaunselor Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia (FMM), Datuk Palaniappan Joseph berkata, secara prinsipnya majikan menyokong usaha kerajaan itu kerana ia dilaksanakan secara sukarela, namun menegaskan kesannya tidak boleh dipandang ringan.

Menurutnya, komponen penggajian merupakan kos terbesar dalam operasi syarikat dan kenaikan mendadak boleh menjejaskan survival terutama bagi PMKS yang mempunyai margin keuntungan yang sangat tipis.

"Kalau gaji sudah dinaikkan, ia tidak boleh ditarik balik. Jadi syarikat mesti menilai kemampuan sebenar sebelum menyertai DGP," katanya.

Beliau berkata demikian menerusi program Wacana Sinar Edisi 482 bertajuk Dasar Gaji Progresif yang diadakan di Studio F Sinar Harian yang disiarkan secara



BAHAROM

PALANIAPPAN

langsung di semua platform digital Sinar Harian.

Palaniappan menjelaskan, walaupun syarikat besar mampu menyerap kos tambahan, bagi syarikat kecil setiap sen memberi kesan besar terhadap kelangsungan operasi.

"PMKS ini biasanya ada margin keuntungan bawah 10 peratus. Apabila kos gaji naik, mereka akan rasa tekanan paling kuat," ujarnya.

Beliau mencadangkan kerajaan mengambil kira kos tambahan itu dalam kontrak perolehan serta memberi tempoh lebih panjang kepada syarikat untuk menyesuaikan diri dengan dasar baharu.

"Di Singapura, mereka beri masa empat tahun. Kalau di sini kita ikut kaedah sama, ia akan mengurangkan tekanan kepada syarikat kecil," katanya.

Dalam pada itu, Baharom berkata, jurang pendapatan di Malaysia semakin melebar akibat kenaikan gaji pekerja bawahan terlalu perlahan berbanding golongan atasan.

"Pada 1997 juruwang bank terima RM800 manakala Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) RM10,000. Hari ini juruwang dapat RM3,000 tetapi CEO boleh cecah RM300,000. Jurang makin besar," katanya.

Beliau menegaskan, DGP boleh menjadi mekanisme penting bagi mengurangkan ketidakseimbangan itu dengan menghubungkan kenaikan gaji kepada kemahiran dan produktiviti.

"Kalau semua naik sama rata, jurang tetap melebar. Jadi kenaikan lebih besar perlu diberi kepada golongan bawah," jelasnya.

Baharom turut menekankan konsep *no free rider* iaitu pekerja mesti meningkatkan kemahiran melalui *upskilling* dan *reskilling* untuk mendapat ganjaran lebih tinggi.

Menurutnya, sistem gaji progresif

bukan sahaja menguntungkan pekerja, malah memberi manfaat jangka panjang kepada majikan dan negara.

"Bila pekerja ada motivasi, produktiviti akan meningkat. Akhirnya syarikat juga dapat pulangan lebih baik," ujarnya.

Sementara itu, Asri berkata, hampir 3,000 majikan sudah berdaftar dengan sistem gaji progresif dan lebih 2,000 mengemukakan permohonan insentif.

Menurutnya, data awal menunjukkan median gaji *entry level* meningkat daripada RM11,800 kepada RM2,200 manakala *non entry level* sekitar RM2,500.

"Aspek ini membuktikan pelaksanaan dasar memberi kesan positif pada peringkat awal. PERKESO juga memperluaskan perlindungan sosial kepada pekerja gig, suri rumah dan sektor informal," katanya.

Beliau menjelaskan, pendekatan sukarela dalam DGP lebih berkesan berbanding paksaan undang-undang kerana syarikat berasa dihargai apabila diberi pilihan untuk menyertai.

"Kalau dibuat melalui undang-undang, mungkin ada pihak menolak. Dengan cara ini mereka lebih bersedia dan terbuka," ujarnya.